

20,000 kakitangan Maybank seluruh dunia laksana tanggungjawab sosial

ADVERTISEMENT

2023-08-25T11:44:39+08:00



ALBUM: Pengurus Maybank Ranau Patrick Angkui dan Pengurus Maybank Kudat Marina Mikanis mengiringi Penolong Pegawai Daerah Pitas Abdul Rahman Jayari, Pegawai Pertanian Pitas Suhaimi dan Pengasas merangkap Pengarah Yayasan Starfish Malaysia Jimmy Lei dan Protestant Church Rev. Ronny.

KOTA KINABALU: Seramai 20,000 kakitangan Maybank Berhad di seluruh dunia melaksanakan Maybank Group Global CR Day kali ke-11 baru-baru ini.

ADVERTISEMENT

Kerja-kerja amal dilakukan melibatkan lebih daripada 11,000 penduduk tempatan dari kawasan masing-masing, sekali gus memberikan kesan positif kepada kehidupan komuniti yang terlibat.

Dengan tema 'Adapt, Change, Thrive', Maybank Group Global CR Day adalah sebahagian daripada program sukarelawan dalam kalangan kakitangan bank berkenaan.

Cahaya Kasih (CK) sebagai contohnya adalah satu platform membolehkan dan memperkasakan kakitangan bank itu menjadi agen perubahan positif kepada kehidupan komuniti tempatan.

Maybank Group Global CR Day adalah hari yang memberikan peluang kepada kakitangan Maybank untuk membuktikan komitmen mereka kepada inisiatif CK.

ADVERTISEMENT

Ia adalah program terbesar seluruh dunia dan dilaksanakan serentak oleh sebuah syarikat yang berpangkalan di Malaysia.



HIDROPONIK: Pengarah Kawasan Maybank Sabah & FT Labuan Abbas CK Yahya dan pegawai kanan Maybank bergambar kenangan bersama warga emas Sri Pritchard Kinarut.

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank Datuk Dr Nora Manaf berkata, Program CK termasuk Global CR Day adalah inisiatif penting membolehkan pekerja memperkuuh misi Maybank untuk menunjukkan kemampuan komitmen seperti yang digariskan dalam strategi M25+.

"Sebagai peneraju insitusi kewangan di wilayah ini, Maybank mensasarkan untuk mengetuai inisiatif tanggungjawab korporat dalam skala besar sejak 13 tahun lalu.

"Tahun ini, program amal dilakukan khusus bagi meringankan beban komuniti dengan kerja-kerja sukarelawan yang dilakukan oleh kakitangan Maybank.

"Objektif utama kami adalah memastikan program sukarelawan kakitangan CK kekal relevan dan terus membangkitkan isu-isu sebenar demi kebaikan bersama di masa hadapan," katanya dalam kenyataan di sini, baru-baru ini.

ADVERTISEMENT



Utusan
Borneo
Online

AMAL: Kakitangan Maybank ketika berada di St. Maria Goretti Keningau.

Katanya, inisiatif CK yang dilaksanakan di Kinarut mencapai kemuncaknya dengan lancarnya 'The Green Sulap'. Ia merupakan program mempromosi kesihatan menerusi berkebun secara hidroponik di Rumah Wargatua Sri Pritchard.

Menurutnya, program berkenaan dijayakan oleh 157 kakitangan Maybank dengan kerjasama rumah kebajikan berkenaan.

Katanya, pelbagai aktiviti menarik termasuk sambutan Hari Merdeka diadakan bersama penghuni rumah berkenaan.

Program berkenaan disempurnakan oleh Pengarah Wilayah Maybank Abbas C.K. Yahya, Pegawai Daerah Papar Mohd Fuad Abdullah @ Frederick Julianus Atik dan Penjaga Rumah Wargatua Sri Pritchard Mary Sipaji.

Selain itu katanya, program seumpamanya turut diadakan di Tamparuli, Tambunan, Keningau, Pitas, Semporna, Lahad Datu dan Labuan.

Menurutnya, antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah berkebun hidroponik bersama anak yatim dan pelajar sekolah, melindungi terumbu karang, memelihara warisan budaya Sabah dan banyak lagi.



Utusan
Borneo
Online



PRIHATIN: Kakitangan Maybank ketika berada di Rumah Wargatua Sri Pritchard.